

NO. SOALAN: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan dalam memperbaiki mutu Indeks Syariah dari semasa ke semasa.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Indeks Syariah Malaysia (ISM) yang merupakan kali pertama dihasilkan telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Mac 2016. Skor keseluruhan ISM 2015 ialah sebanyak 75.42 peratus. Kerajaan dari semasa ke semasa akan menambahbaik ISM ini, agar manfaat yang lebih banyak dan menyeluruh dapat diberikan kepada rakyat.

Antara langkah-langkah atau usaha-usaha yang dijalankan dalam memperbaiki mutu ISM ialah:

- i. Mengadakan program-program penjelasan ISM ini secara lebih meluas agar semua pihak khususnya pembuat dan pelaksana dasar memahami hasrat dan aspirasi negara untuk meletakkan Maqasid Syariah sebagai parameter utama dalam tadbir urus negara. Kerajaan yakin melalui pemahaman dan penghayatan yang jelas, persepsi dan salah faham dapat dikurangkan dan ia sekaligus dapat meningkatkan mutu indeks yang dihasilkan pada masa akan datang.
- ii. Menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet ISM yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri merupakan langkah penting bagi memastikan pelaksanaan ISM ini lebih efektif dan berimpak tinggi serta semua cadangan penambahbaikan daripada hasil penyelidikan diambil tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.